

Rancangan Pengajaran Dan Pembelajaran Harian (RPH)- Teh Shy Hui / 127760

Subjek:	Geografi
Tingkatan/ Tahun:	Tingkatan 3
Bilangan murid:	12 orang
Masa:	2:00- 3:00 petang
Tema:	Bab 7 Sumber
Kemahiran/ tajuk kecil:	7.4 Kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar, (fokus kepada hakisan tanah)
Standard Pembelajaran:	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat: <ol style="list-style-type: none">1. Menyenaraikan kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar negara Malaysia.2. Menghuraikan contoh-contoh kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar negara Malaysia.
Nilai-nilai murni:	Patriotisme dengan mempertahankan negara Malaysia melalui prihatin terhadap kesan penerokaan sumber.
Bahan bantu mengajar:	Botol air, kotak, tanah, rumput, air, rumah hiasan yang dibuat daripada kertas.

Rujukan Guru:

Langkah/ minit	Standard Kandungan	Aktiviti guru	Aktiviti murid	Catatan/ BBM
Set induksi (5 minit)	Kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar.	<p>1. Guru meminta murid untuk mengimbas kembali apa yang telah guru mengajar tentang kesan penerokaan sumber.</p> <p>2. Guru meminta murid menyenaraikan contoh-contoh kesan penerokaan sumber yang telah dipelajari.</p> <p>3. Guru memilih salah satu kesan penerokaan sumber iaitu hakisan tanah untuk membuat demonstrasi.</p>	<p>1. Murid menyenaraikan contoh-contoh kesan penerokaan sumber yang telah dipelajari.</p> <p>2. Murid berminat terhadap demonstrasi hakisan tanah yang akan dilakukan.</p>	Kedudukan murid telah disusun semula, iaitu murid duduk di sekeliling meja demonstrasi agar semua murid dapat melihat demonstrasi yang dilakukan dengan jelas.

<p>Langkah 1: Menyampaikan isi pelajaran (20 minit)</p>	<p>Kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar (hakistan tanah).</p>	<p>1. Guru menyediakan dua botol. Terdapat satu botol yang dipenuhi tanah sahaja, manakala satu botol dipenuhi dengan tanah dan rumput.</p> <p>2. Guru meminta murid memerhatikan dan menyenaraikan perbezaan bahan-bahan di dalam kedua-dua botol (alat demonstrasi) yang diletakkan di atas meja.</p> <p>3. Guru meminta murid meramalkan apa yang akan berlaku pada kedua-dua botol jika guru menuangkan air ke dalam botol.</p>	<p>1. Murid memfokus kepada alat demonstrasi yang dibawa oleh guru.</p> <p>2. Murid memerhatikan dan menyenaraikan perbezaan bahan yang terdapat di dalam kedua-dua botol.</p> <p>3. Murid membincang dengan meramalkan apa yang akan berlaku jika air dituangkan ke dalam kedua-dua botol.</p> <p>4. Murid memfokus kepada demonstrasi yang dilakukan oleh guru.</p> <p>5. Murid menyatakan apa yang telah berlaku pada kedua-dua botol.</p>	<p>Teknik demonstrasi dilakukan untuk menarik minat murid terhadap kesan penerokaan sumber dan lebih memahami proses berlakunya.</p> <p>Botol yang dipenuhi dengan tanah sahaja akan mengalirkan air yang keruh setelah air dituangkan ke dalam botol, manakala botol yang dipenuhi rumput dan tanah akan mengalirkan air yang jernih</p>
---	--	---	---	---

		<p>4. Guru mula membuat demonstrasi dengan menuangkan air ke dalam kedua-dua botol.</p> <p>5. Guru meminta murid menyatakan apa yang telah berlaku di dalam kedua-dua botol dan menyatakan sebabnya.</p>		<p>setelah air dituangkan ke dalam botol. Hakisan tanah akan berlaku pada botol yang dipenuhi tanah, disebabkan tiada akar rumput yang menyerap air dan tanah telah mengalir keluar dengan air.</p>
<p>Langkah 2: Aktiviti berkumpulan (20 minit)</p>	<p>Kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar (tanah runtuh).</p>	<p>1. Guru meletakkan dua kotak di atas meja untuk menjalankan demonstrasi kedua dengan penglibatan murid.</p> <p>2. Guru meminta murid memerhatikan dan</p>	<p>1. Semua murid datang ke depan dan berdiri di sekeliling meja demonstrasi.</p> <p>2. Murid menyenaraikan perbezaan antara kedua-dua kotak.</p>	<p>Kotak pertama menunjukkan sebuah rumah terletak di permukaan tanah yang terdedah. Manakala kotak kedua menunjukkan</p>

		<p>menyenaraikan perbezaan antara kedua-dua kotak.</p> <p>3. Guru meminta murid membincang dan meramalkan apa yang akan berlaku jika air dituangkan ke dalam kotak dengan menghubungkan konsep hakisan tanah yang telah didemonstrasikan.</p> <p>4. Guru meminta murid menuangkan air ke dalam kotak tersebut dengan mendengar arahan guru.</p> <p>5. Guru meminta murid memerhatikan apa yang</p>	<p>3. Murid menggunakan konsep hakisan tanah yang telah didemonstrasi itu dengan meramalkan apa yang akan terjadi jika air dituangkan.</p> <p>4. Wakil murid menuangkan air ke dalam kotak.</p> <p>5. Murid memerhatikan apa yang telah berlaku pada kedua-dua kotak dan menerangkan sebabnya.</p> <p>6. Murid mengembalikan ke tempat duduk masing-masing dan memulakan perbincangan dalam kumpulan.</p>	<p>sebuah rumah terletak di permukaan tanah yang dipenuhi tanaman.</p> <p>Tanah runtuh akan berlaku pada kotak yang pertama sahaja.</p> <p>Teknik menerang dan menyoal soalan dijalankan semasa demonstrasi untuk mengukuhkan pemahaman murid.</p> <p>Teknik perbincangan</p>
--	--	--	---	---

		<p>telah berlaku dan menerangkan sebabnya.</p> <p>6. Setelah demonstrasi tamat, guru meminta murid kembali ke tempat duduk masing-masing.</p> <p>7. Guru membahagikan murid dalam tiga kumpulan untuk membincangkan pengajaran dan pembelajaran yang didapati dalam kedua-dua demonstrasi.</p>		<p>dilakukan berdasarkan teori konstruktivisme.</p>
<p>Langkah 3: Penilaian dan pentaksiran (10 minit)</p>	<p>Persembahan</p>	<p>1. Guru menghentikan perbincangan dan tugas murid apabila masa tamat.</p>	<p>1. Murid sudah bersiap sedia.</p> <p>2. Murid menerima arahan dan menghantar</p>	<p>Teknik pembentangan digunakan untuk memperkukuhkan pemahaman</p>

		<p>2. Guru meminta setiap kumpulan memilih seorang wakil untuk membentangkan pengajaran dan pembelajaran yang didapati melalui demonstrasi tersebut.</p> <p>3. Guru memantau dan membimbing muridnya semasa setiap kumpulan membentang.</p>	<p>wakil kumpulan untuk membentang.</p> <p>3. Murid memfokus kepada pembentangan yang disampaikan oleh setiap wakil kumpulan.</p>	<p>murid dan mempertingkatkan kemahiran pembentangan serta keyakinan murid.</p>
<p>Penutup/ rumusan (5 minit)</p>		<p>1. Guru meminta seorang murid untuk merumuskan topik kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar, khasnya sebab hakisan tanah atau tanah runtuh berlaku.</p>	<p>1. Seorang murid membuat rumusan tentang kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar dan sebab berlakunya hakisan tanah dan tanah runtuh.</p>	<p>Dengan membuat rumusan dan memperoleh pengajaran daripada pembelajaran, murid dapat memupuk perasaan prihatin</p>

		<p>2. Guru bertanya kepada murid berkaitan pengajaran yang diperolehi daripada pembelajaran.</p> <p>3. Guru merumuskan topik yang telah diajar dan nilai-nilai yang dapat dipelajari melalui demonstrasi tersebut dengan menghubungkan kepentingan sumber dan seterusnya kepentingan pengurusan sumber.</p>	<p>2. Murid menyatakan pengajaran yang diperolehi daripada pembelajaran.</p>	<p>terhadap kesan penerokaan sumber.</p>
--	--	---	--	--